SABAH, MALAYSIA

# Warta Kerajaan

*Diterbitkan dengan kuasa*

Jil. LXXII] KOTA KINABALU, KHAMIS, 7 DISEMBER 2017 [No. 50

**Kenyataan-kenyataan berikut adalah diterbitkan atas perintah Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri untuk Makluman Umum.**

**TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA HAJI SUKARTI BIN WAKIMAN,**
*Setiausaha Kerajaan Negeri.*

**No. 378** [No. SPANS: 800-3/24/4/1/404

KENAIKAN PANGKAT

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Encik Abil bin Songping secara hakiki ke jawatan Pegawai Teknologi Maklumat, Gred F44 secara fleksi secara khas untuk penyandang (KUP) mulai 29 Oktober 2015.

[No. SPANS: 800-3/30/4/4/282

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri telah meluluskan kenaikan pangkat Encik Asabri bin Robenson secara hakiki ke jawatan Jurutera, Gred J44 secara fleksi secara khas untuk penyandang (KUP) mulai 29 Oktober 2015.

[No. SPANS: 800-3/24/4/1/404

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri telah meluluskan kenaikan pangkat Puan Celestine Fung Lee Mee secara hakiki ke jawatan Pegawai Teknologi Maklumat, Gred F44 secara fleksi secara khas untuk penyandang (KUP) mulai 29 Oktober 2015.

[No. SPANS: 800-3/24/4/1/404

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri telah meluluskan kenaikan pangkat Encik Disney Edward Lai secara hakiki ke jawatan Pegawai Teknologi Maklumat, Gred F44 secara fleksi secara khas untuk penyandang (KUP) mulai 29 Oktober 2015.

KENAIKAN PANGKAT - *(samb.)*

[No. SPANS: 800-3/24/4/1/404

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri telah meluluskan kenaikan pangkat Puan Ling Shyh Huey @ Irene secara hakiki ke jawatan Pegawai Teknologi Maklumat, Gred F44 secara fleksi secara khas untuk penyandang (KUP) mulai 29 Oktober 2015.

[No. SPANS: 800-3/19/4/4 Klt. 2/219

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri telah meluluskan kenaikan pangkat Encik Mahali bin Yusin secara hakiki ke jawatan Pemelihara Hutan, Gred G44 secara fleksi secara khas untuk penyandang (KUP) mulai 29 Oktober 2015.

[No. SPANS: 800-3/19/4/4/395

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri telah meluluskan kenaikan pangkat Encik Mohamad bin Abu Bakar secara hakiki ke jawatan Pemelihara Hutan, Gred G44 secara fleksi secara khas untuk penyandang (KUP) mulai 29 Oktober 2015.

[No. SPANS: 800-3/30/4/4/282

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri telah meluluskan kenaikan pangkat Encik Rodney Tinggas secara hakiki ke jawatan Jurutera, Gred J44 secara fleksi secara khas untuk penyandang (KUP) mulai 29 Oktober 2015.

[No. SPANS: 800-3/24/4/1/404

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri telah meluluskan kenaikan pangkat Puan Rozitah binti Mohd. Rah secara hakiki ke jawatan Pegawai Teknologi Maklumat, Gred F44 secara fleksi secara khas untuk penyandang (KUP) mulai 29 Oktober 2015.

[No. SPANS: 800-3/30/4/4/282

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri telah meluluskan kenaikan pangkat Encik Samsul Bahriy bin Marullah secara hakiki ke jawatan Jurutera, Gred J44 secara fleksi secara khas untuk penyandang (KUP) mulai 29 Oktober 2015.

[No. SPANS: 800-3/24/4/1/404

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri telah meluluskan kenaikan pangkat Puan Sarinah binti Mohamad secara hakiki ke jawatan Pegawai Teknologi Maklumat, Gred F44 secara fleksi secara khas untuk penyandang (KUP) mulai 29 Oktober 2015.

[No. SPANS: 800-3/24/4/1/404

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri telah meluluskan kenaikan pangkat Puan Siti Rusni binti Mohamad Hanafiah secara hakiki ke jawatan Pegawai Teknologi Maklumat, Gred F44 secara fleksi secara khas untuk penyandang (KUP) mulai 29 Oktober 2015.

[No. SPANS: 800-3/24/4/1/404

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri telah meluluskan kenaikan pangkat Puan Symphorosa Kassun secara hakiki ke jawatan Pegawai Teknologi Maklumat, Gred F44 secara fleksi secara khas untuk penyandang (KUP) mulai 29 Oktober 2015.

[No. SPANS: 800-3/42/4/1/55

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri telah meluluskan kenaikan pangkat Puan Tianinun binti Iping secara hakiki ke jawatan Pegawai Latihan, Gred E44 secara fleksi secara khas untuk penyandang (KUP) mulai 29 Oktober 2015.

[No. SPANS: 800-3/19/4/4/395

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri telah meluluskan kenaikan pangkat Encik Ag. Ismail bin Ag. Tuah secara hakiki ke jawatan Pemelihara Hutan, Gred G44 secara fleksi secara khas untuk penyandang (KUP) mulai 20 Disember 2015.

[No. SPANS: 800-3/19/4/4/395

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri telah meluluskan kenaikan pangkat Encik Mokran bin Ingkat secara hakiki ke jawatan Pemelihara Hutan, Gred G44 secara fleksi secara khas untuk penyandang (KUP) mulai 20 Disember 2015.

[No. SPANS: 800-3/19/4/4 Klt. 2/219

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri telah meluluskan kenaikan pangkat Encik Abtah bin Deri secara hakiki ke jawatan Pemelihara Hutan, Gred G44 secara fleksi secara khas untuk penyandang (KUP) mulai 21 Mei 2016.

[No. SPANS: 800-3/19/4/4 Klt. 2/219

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri telah meluluskan kenaikan pangkat Encik George Angampun @ Hamzah bin Awang secara hakiki ke jawatan Pemelihara Hutan, Gred G44 secara fleksi secara khas untuk penyandang (KUP) mulai 21 Mei 2016.

[No. SPANS: 800-3/19/4/4 Klt. 2/219

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri telah meluluskan kenaikan pangkat Encik Jameri bin Tahir secara hakiki ke jawatan Pemelihara Hutan, Gred G44 secara fleksi secara khas untuk penyandang (KUP) mulai 21 Mei 2016.

[No. SPANS: 800-3/24/4/1/404

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri telah meluluskan kenaikan pangkat Encik Sariwan bin Jamanih secara hakiki ke jawatan Pegawai Teknologi Maklumat, Gred F44 secara fleksi secara khas untuk penyandang (KUP) mulai 21 Mei 2016.

KENAIKAN PANGKAT - *(samb.)*

[No. SPANS: 800-3/19/4/4 Klt. 2/219

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri telah meluluskan kenaikan pangkat Encik Subari bin Suparlan secara hakiki ke jawatan Pemelihara Hutan, Gred G44 secara fleksi secara khas untuk penyandang (KUP) mulai 21 Mei 2016.

[No. SPANS: 800-3/19/4/4 Klt. 2/219

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri telah meluluskan kenaikan pangkat Encik Valerian Jeneth bin Anthonius secara hakiki ke jawatan Pemelihara Hutan, Gred G44 secara fleksi secara khas untuk penyandang (KUP) mulai 21 Mei 2016.

[No. SPANS: 800-3/19/4/5/72

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri telah meluluskan kenaikan pangkat Encik Hassan bin Baharun secara hakiki ke jawatan Pegawai Ehwal Ekonomi, Gred E44 secara fleksi secara khas untuk penyandang (KUP) mulai 22 Mei 2016.

[No. SPANS: 800-1/27/4/5/74

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Datuk Dr. Yeo Boon Kiat secara hakiki ke jawatan Pengarah Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak (Pegawai Veterinar), Gred Utama C, Gred VU7 mulai 5 Julai 2016.

[No. SPANS: 800-1/15/4/7/28

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Tuan Haji Jumahat bin Intang @ Jamaluddin secara hakiki ke jawatan Setiausaha Tetap, Jawatan Utama Sektor Awam , Gred Utama C, Gred VU7 mulai 7 Julai 2016.

[No. SPANS: 600-1/032842/177

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Encik Jasnih bin Jali secara hakiki ke jawatan Pegawai Pertanian, Gred G44 mulai 12 Julai 2016.

[No. SPANS: 600-1/032842/177

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Encik Juslin Jullah @ Fredoline secara hakiki ke jawatan Pegawai Pertanian, Gred G44 mulai 12 Julai 2016.

[No. SPANS: 600-1/032842/177

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Encik Saplin bin Jani secara hakiki ke jawatan Pegawai Pertanian, Gred G44 mulai 12 Julai 2016.

[No. SPANS: 800-3/19/4/4 Klt. 2/219

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Encik Azman bin Said secara hakiki ke jawatan Pemelihara Hutan, Gred G44 secara fleksi secara khas untuk penyandang (KUP) mulai 20 Ogos 2016.

[No. SPANS: 800-3/24/4/1/404

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Puan Adriana Boitol secara hakiki ke jawatan Pegawai Teknologi Maklumat, Gred F44 secara fleksi secara khas untuk penyandang (KUP) mulai 1 Oktober 2016.

[No. SPANS: 800-3/30/4/4/282

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Encik Choo Khim Chiew secara hakiki ke jawatan Jurutera, Gred J44 secara fleksi secara khas untuk penyandang (KUP) mulai 1 Oktober 2016.

[No. SPANS: 800-3/24/4/1/404

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Puan Erwati binti Busu secara hakiki ke jawatan Pegawai Teknologi Maklumat, Gred F44 secara fleksi secara khas untuk penyandang (KUP) mulai 1 Oktober 2016.

[No. SPANS: 600-1/027626/4

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Encik Putera bin Jali secara hakiki ke jawatan Pegawai Tadbir, Gred N44 secara fleksi secara khas untuk penyandang (KUP) mulai 12 Disember 2016.

[No. SPANS: 600-1/030492/216

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Encik Bakri bin Nanun ke jawatan Pegawai Tadbir, Gred N44 secara hakiki mulai 31 Januari 2017.

[No. SPANS: 800-1/34/4/5/32

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Encik Vitalis Justin Moduying ke jawatan Pegawai Kawalan Alam Sekitar, Gred C52 secara hakiki mulai 2 Mac 2017.

[No. SPANS: 800-1/15/4/1 Klt. 5/31

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Encik Abdul Mohamed Ibnu bin Abdul Kader Baba ke jawatan Pegawai Tadbir, Gred N54 secara hakiki mulai 25 Mac 2017.

KENAIKAN PANGKAT - *(samb.)*

[No. SPANS: 600-1/006699/271

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Puan Rusnah binti Alidin ke jawatan Pegawai Tadbir, Gred N52 secara hakiki mulai 25 Mac 2017.

[No. SPANS: 800-3/19/4/8/51

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Encik Jarry K. Lajanga secara hakiki ke jawatan Pegawai Penyelidik, Gred Q44 secara khas untuk penyandang (KUP) mulai 11 April 2017.

[No. SPANS: 800-1/15/4/4/4 Klt.2/96

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Encik Mohamad bin Mumin ke jawatan Pegawai Tadbir, Gred N44 secara hakiki mulai 20 April 2017.

[No. SPANS: 600-1/015648/130

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Encik Mohd. Shaid bin Othman ke jawatan Pegawai Tadbir, Gred N52 secara hakiki mulai 28 April 2017.

[No. SPANS: 800-1/15/4/4/4 Klt. 2/96

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Puan Mahasitah binti Amin ke jawatan Pegawai Tadbir, Gred N44 secara hakiki mulai 8 Mei 2017.

[No. SPANS: 800-1/15/4/3 Klt. 2/306

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Puan Norlija @ Norlijah binti Danin ke jawatan Pegawai Tadbir, Gred N52 secara hakiki mulai 8 Mei 2017.

[No. SPANS: 800-3/24/4/1/404

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Puan Norainie binti Matali secara hakiki ke jawatan Pegawai Teknologi Maklumat, Gred F44 secara fleksi secara khas untuk penyandang (KUP) mulai 26 Mei 2017.

[No. SPANS: 600-1/004514/23

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Puan Shamsiah binti Jirat ke jawatan Pegawai Tadbir, Gred N54 secara hakiki mulai 1 Jun 2017.

[No. SPANS: 800-1/15/4/4 Klt. 2/156

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Encik Amaludin @ Loloi bin Sagi ke jawatan Pegawai Tadbir, Gred N44 secara hakiki mulai 12 Jun 2017.

[No. SPANS: 800-1/15/4/4 Klt. 2/156

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Encik Bat bin Ambas ke jawatan Pegawai Tadbir, Gred N44 secara hakiki mulai 12 Jun 2017.

[No. SPANS: 800-1/15/4/3 Klt. 3/44

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Puan Connie I. Pudin ke jawatan Pegawai Tadbir, Gred N48 secara hakiki mulai 12 Jun 2017.

[No. SPANS: 800-1/15/4/4 Klt. 2/156

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Encik Fung John ke jawatan Pegawai Tadbir, Gred N44 secara hakiki mulai 12 Jun 2017.

[No. SPANS: 800-1/15/4/4 Klt. 2/156

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Puan Husnah @ Hasnah binti Ahmad ke jawatan Pegawai Tadbir, Gred N44 secara hakiki mulai 12 Jun 2017.

[No. SPANS: 800-1/15/4/3 Klt. 3/44

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Encik Jasni @ Abu Suffyan bin Omar ke jawatan Pegawai Tadbir, Gred N48 secara hakiki mulai 12 Jun 2017.

[No. SPANS: 800-1/15/4/4 Klt. 2/156

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Encik Matlunad @ Dony bin Agok ke jawatan Pegawai Tadbir, Gred N44 secara hakiki mulai 12 Jun 2017.

[No. SPANS: 800-1/15/4/6/29

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Encik Politin @ Wenen bin Mobiji ke jawatan Pegawai Penerbitan, Gred N48 secara hakiki mulai 12 Jun 2017.

[No. SPANS: 800-3/19/4/4 Klt. 2/219

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Encik Peter Jack Osmond secara hakiki ke jawatan Pemelihara Hutan, Gred G44 secara fleksi secara khas untuk penyandang (KUP) mulai 19 Jun 2017.

KENAIKAN PANGKAT - *(samb.)*

[No. SPANS: 800-1/15/4/8/20

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Puan Zaleha Rose Pandin secara hakiki ke jawatan Peguam Besar Negeri, Jawatan Utama Sektor Awam, Gred A, Gred VU 5 mulai 1 Julai 2017.

[No. SPANS: 800-1/29/4/7/54

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Encik Anas bin Jupari @ Jupry ke jawatan Juruukur Bahan, Gred J44 secara hakiki mulai 5 Julai 2017.

[No. SPANS: 800-1/36/4/2/150

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Puan Bernadette C. Edmund ke jawatan Pegawai Perancang Bandar dan Desa, Gred J52 secara hakiki mulai 18 Julai 2017.

[No. SPANS: 600-1/024050/47

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Puan Chee Shok Ting ke jawatan Pegawai Pegawai Tadbir, Gred N52 secara hakiki mulai 26 Julai 2017.

[No. SPANS: 600-1/034496/162

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Puan Mariana binti Tinggal ke jawatan Pegawai Tadbir, Gred N54 secara hakiki mulai 26 Julai 2017.

---

PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

**No. 379** [No. SPANS: 800-2/23/4/5/79

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan peningkatan secara lantikan (PSL) Puan Kee Y Kamariah binti K Yusof ke jawatan Akauntan, Gred WA41 secara tetap dalam bentuk percubaan selama 1-3 tahun mulai 14 Jun 2017.

[No. SPANS: 800-2/23/4/5/79

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan peningkatan secara lantikan (PSL) Puan Sharifah binti Arshad ke jawatan Akauntan, Gred WA41 secara tetap dalam bentuk percubaan selama 1-3 tahun mulai 14 Jun 2017.

**No. 380** [No. PMNS: (S): 600-1/2 Jilid 15

ENAKMEN FATWA 2004

(Enakmen No. 8 tahun 2004)

Atas kehendak Seksyen 8 (6) Enakmen Fatwa 2004, Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah dengan ini memperkenankan Fatwa-fatwa yang telah disediakan oleh Majlis Fatwa Negeri Sabah mengenai:

(i) Keputusan Majlis Fatwa Negeri Sabah "Hukum Pengguguran Kandungan Ibu Hamil Yang Dijangkiti Zika";

(ii) Keputusan Majlis Fatwa Negeri Sabah "Pertubuhan Rahmatan Lil Alamin (PERAHMAT)" ;

(iii) Keputusan Majlis Fatwa Negeri Sabah "Hukum Menyertai Pertandingan Memancing";

(iv) Keputusan Majlis Fatwa Negeri Sabah "Hukum Penggunaan Logo St. John Ambulans Bagi Warga St. John Ambulans Malaysia";

(v) Keputusan Majlis Fatwa Negeri Sabah "Hukum Menyorok Barangan *(Ihtikar)*";

(vi) Keputusan Majlis Fatwa Negeri Sabah "Hukum Solat Jumaat Yang Kurang Jemaahnya 40 Orang";

(vii) Keputusan Majlis Fatwa Negeri Sabah "Hukum 'Ucapan Selamat' Sempena Perayaan Agama Lain";

(viii) Keputusan Majlis Fatwa Negeri Sabah "Hukum Memberi Dan Menjawab Salam Kepada Orang Bukan Islam";

---

KEPUTUSAN MAJLIS FATWA NEGERI SABAH
"HUKUM PENGGUGURAN KANDUNGAN IBU HAMIL
YANG DIJANGKITI ZIKA"

Muzakarah Majlis Fatwa Negeri Sabah Bil. 1/2017 telah bersidang pada 21-23 Februari 2017M/24-26 Jamadilawal 1438H, bertempat di Bilik Likas, Hotel Horizon, Kota Kinabalu, Sabah bagi membincangkan mengenai perkara "Hukum Pengguguran Kandungan Ibu Hamil Yang Dijangkiti Zika" dan telah bersetuju memutuskan untuk diwartakan di Negeri Sabah bahawa:

(i) Virus Zika adalah sejenis virus RNA daripada kumpulan Flavivirus yang dibawa oleh nyamuk Aedes terutamanya *Aedes aegypti* yang juga pembawa denggi, chikungunya dan *Yellow Fever*. Sehingga kini, terdapat 6 kes virus Zika yang dikesan di Malaysia di mana 2 daripadanya dihidapi oleh wanita hamil;

KEPUTUSAN MAJLIS FATWA NEGERI SABAH
"HUKUM PENGGUGURAN KANDUNGAN IBU HAMIL
YANG DIJANGKITI ZIKA" - *(samb.)*

(ii) Kajian menunjukkan jangkitan virus Zika kepada manusia boleh menyebabkan sindrom *Guillain-Barre*, gangguan saraf yang boleh menyebabkan lumpuh dan kematian. Terdapat juga bukti saintifik yang mengaitkan jangkitan virus Zika dengan peningkatan kelahiran bayi yang mengalami kecacatan *microcephaly*;

(iii) *Microcephaly* ialah keadaan di mana lilitan kepala lebih kecil daripada normal. Ia ditafsirkan sebagai lilitan kepala di bawah 2.5th centile dari populasi penduduk atau 2 standard deviasi di bawah min (tengah) untuk minggu kehamilan tertentu;

(iv) *Microcephaly* yang disebabkan oleh virus Zika boleh dikesan pada bayi selepas bayi tersebut berumur 28 minggu ke atas iaitu umur janin telah melebihi 120 hari. Walau bagaimanapun, peratusan kecacatan ini akan berlaku kepada kandungan ibu hamil yang dijangkiti Zika juga adalah amat kecil. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Soares de Araujo JS *et al* pada tahun 2016 melibatkan 16,208 kelahiran di Brazil dari 2012 hingga 2015, didapati kejadian *microcephaly* adalah di antara 2% hingga 8%;

(v) Berdasarkan fakta-fakta yang dikemukakan, situasi penularan virus zika di Malaysia belum mencapai status kritikal atau *darurah* yang memberi kesan kepada penentuan hukum pengguguran kandungan;

(vi) Garis Panduan Pengurusan Jangkitan Virus Zika Semasa Kehamilan yang disediakan oleh KKM menyatakan Sindrom Kongenital Zika sahaja bukanlah satu indikasi untuk menggugurkan kandungan. Ini adalah selari dengan undang-undang dan peraturan semasa yang berkaitan dengan pengguguran di Malaysia. Setiap kes yang melibatkan pengguguran perlu dikendalikan mengikut garis panduan *Termination of Pregnancy* (TOP) sedia ada;

(vii) Dari perspektif syarak, pengguguran janin yang sudah bernyawa iaitu mencapai usia 120 hari adalah diharamkan, dan ia termasuk dalam pengharaman *li dhatih.* Justeru, ia tidak boleh diharuskan kecuali dalam keadaan *darurah,* seperti situasi yang boleh mengancam nyawa ibu;

(viii) Kandungan yang belum bernyawa iaitu yang belum berusia 120 hari adalah haram digugurkan kecuali dalam situasi *hajah* dan *maslahah*. Pengharaman menggugurkan janin dalam keadaan ini adalah merujuk kepada *tahrim al-wasail* atau *tahrim sad al-dhari'ah*, maka ia boleh dikecualikan dalam situasi *hajah*.

1. Sehubungan dengan itu:

*(a)* Ibu hamil yang dijangkiti virus Zika adalah dilarang menggugurkan kandungan atau janin. Walau bagaimanapun sekiranya dengan meneruskan kandungan tersebut boleh membahayakan nyawa ibu maka ia diharuskan dengan alasan *darurah*;

(*b*) Sekiranya kandungan atau janin yang dijangkiti virus Zika boleh membawa kepada kecacatan yang teruk, dan ia belum mencapai usia 120 hari, maka ia harus digugurkan dengan alasan *hajah* dan *maslahah*;

2. Dalam membuat pertimbangan untuk menggugurkan kandungan atau janin yang dijangkiti virus Zika ini hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

(*a*) Mendapat pengesahan pakar-pakar perubatan yang dipercayai;

(*b*) Pengguguran tidak membawa kepada kemudaratan yang lebih teruk;

(*c*) keputusan dibuat secara *case by case*;

(*d*) Mendapat persetujuan pasangan.

3. Mana-mana orang Islam yang melakukan pengguguran janin tanpa sebab-sebab yang dibenarkan oleh syarak adalah melakukan kesalahan dan boleh diambil tindakan di bawah undang-undang yang berkuat kuasa di negeri Sabah.

SS. DATUK USTAZ HAJI BUNGSU @ AZIZ BIN HAJI JAAFAR,
*Mufti Kerajaan Negeri Sabah Merangkap*
*Pengerusi Majlis Fatwa Negeri Sabah.*

---

KEPUTUSAN MAJLIS FATWA NEGERI SABAH
"AJARAN PERTUBUHAN *RAHMATAN LIL 'ALAMIN*
(PERAHMAT)"

Muzakarah Majlis Fatwa Negeri Sabah Bil. 1/2017 telah bersidang pada 21-23 Februari 2017M/24-26 Jamadilawal 1438H, bertempat di Bilik Likas, Hotel Horizon, Kota Kinabalu, Sabah bagi membincangkan mengenai perkara "Ajaran Pertubuhan *Rahmatan Lil 'Alamin* (PERAHMAT)" dan telah bersetuju memutuskan untuk diwartakan di Negeri Sabah bahawa:

1. Ajaran Ilmu Syahadah, Zikir Nafas dan lain-lain yang berkaitan dengan kedua-duanya oleh Ismail bin Kassim dari Pertubuhan *Rahmatan Lil 'Alamin* (PERAHMAT) adalah menyeleweng dari ajaran Islam berdasarkan elemen berikut:

(*i*) **Terbatal Kesemua Rukun Islam Sekiranya Tidak Mempelajari Ilmu Syahadah Yang dibawa Oleh Ismail bin Kassim (IBK).**

Rukun Islam yang pertama, iaitu mengucap dua Kalimah Syahadah bagi seseorang itu terbatal sekiranya dia tidak mempelajari Ilmu Syahadah (Ilmu Penyaksian) yang dibawa oleh Ismail bin Kassim. Ilmu Syahadah yang dimaksudkan ialah ilmu penyaksian qalbu terhadap roh yang sedang bersyahadah.

KEPUTUSAN MAJLIS FATWA NEGERI SABAH
"AJARAN PERTUBUHAN *RAHMATAN LIL 'ALAMIN*
(PERAHMAT)" - *(samb.)*

(ii) **Tuntutan Mencari Penyaksi Syahadah**

Seseorang itu hendaklah berusaha mencari penyaksinya yang akan dibawa sebagai saksi pada hari akhirat kelak. Penyaksi tersebut akan diperoleh apabila dia menerima dan mengamalkan Ilmu Syahadah dan Zikir Nafas.

(iii) **Ismail bin Kassim Penyaksi Syahadah**

Ismail bin Kassim akan menjadi penyaksi syahadah seseorang di dunia dan di akhirat setelah orang itu mempelajari dan menerima Ilmu Syahadah yang diajar oleh beliau. Orang yang tidak menerima ilmu ini daripada beliau, dia tidak akan memperoleh penyaksi syahadahnya, dan syahadahnya tidak diterima Allah.

(iv) **Wajib Mempelajari Zikir Nafas Kerana Tiada Cara Lain Untuk Mencari Allah Kecuali Melaluinya**

Seseorang itu wajib mempelajari Zikir Nafas, kerana tiada cara lain untuk mencari Allah kecuali melaluinya. Mencari Allah SWT melibatkan peranan yang dimainkan oleh qalbu. Anggota pancaindera manusia yang lain, seperti mata dan telinga peranannya terhad kepada alam zahir sahaja, berbeza dengan qalbu yang mempunyai peranan ghaib. Hanya dengan amalan Zikir Nafas boleh membuka mata hati qalbu. Oleh yang demikian, apabila mata hati qalbu seseorang telah terbuka, maka dia akan dapat melihat penyaksian roh, dan perkara-perkara ghaib yang lain dengan berterusan secara *autopilot*.

(v) **Mengambil Zikir nafas Secara Bai'ah**

Untuk mengambil ilmu Zikir Nafas hendaklah secara *bai'ah* melalui guru yang berketurunan Ahli Bait sahaja, iaitu Ismail bin Kassim.

(vi) **Mengisi Nafas Dengan Zikir لا إله إلا الله.**

Zikir Nafas ialah seseorang itu perlu mengisi nafasnya dengan zikir لا إله إلا الله. Zikir ini hendaklah dilakukan secara beterusan selama 24 jam tanpa henti. Kaedah untuk mendapatkan zikir tanpa henti, iaitu melalui pengisian zikir dalam pernafasan. Apabila kalimah zikir telah diisi dalam pernafasan, setiap kali manusia bernafas, nafasnya akan berzikir mengingati Allah SWT لا إله إلا الله. Perkiraan yang dibuat terhadap bilangan zikir yang akan terhasil daripada pernafasan tersebut adalah sebanyak 2,592 (108 x 24) zikir sehari.

(vii) **Amalan Zikir Nafas Tela h Wujud Sejak Dari Zaman Nabi Adam a.s**

Nabi Adam a.s adalah orang pertama yang mengamalkannya. Allah SWT telah meniupkan roh-Nya ke dalam jasad Nabi Adam a.s dan seterusnya bernafas, dan nafas pertama yang naik dan turun daripada Adam a.s adalah berbentuk Zikir Nafas.

(viii) **Zikir Nafas Adalah Amalan 124,000 Para Rasul dan Para Wali Allah.**

Para Rasul a.s diperintahkan oleh Allah SWT untuk berkhalwat di dalam gua, apabila berada di dalam gua akan didengar secara jelas bunyi perkataan Zikir Nafas, iaitu 'hu', 'hu', 'hu'.

(ix) **Amalan Zikir Nafas Adalah Sahih dan Sabit Melalui Al-Quran dan Al-Hadith.**

Sesiapa yang mengingkarinya dianggap telah menaruh syak terhadap al-Quran dan al-Hadith.

(x) **Semua Makhluk Hidup Dengan Kalimah 'Hu'.**

Semua mahkluk yang diciptakan oleh Allah SWT dapat terus hidup dengan kalimah 'hu'. 'Hu' juga merupakan bunyi nafas yang sedia ada, bunyi oksigen, segala bunyian, peredaran bintang, planet, bulan dan matahari.

(xi) **Hari Kiamat Akan Berlaku Apabila Tiada Lagi Makhluk Yang Nafasnya Berzikir Dengan Kalimah Allah.**

Semua makhluk termasuk haiwan, tumbuh-tumbuhan dan manusia akan mati dan diikuti dengan berlakunya hari kiamat apabila tiada lagi makhluk yang nafasnya berzikir dengan kalimah Allah.

(xii) **Kelebihan Luar Biasa Apabila Mengamalkan Zikir Nafas** ialah**:**

(*a*) Menyambung talian dengan Allah SWT;

(*b*) Menyambung talian dengan Nabi Muhammad SAW;

(*c*) Menyambung talian emas dengan guru-guru yang sampai sanadnya kepada Nabi Muhammad SAW;

(*d*) Nafas terkawal daripada segala gangguan syaitan, iblis, ifrit dan jin;

(e) Dianggap berada di landasan *Sirat al-mustaqeem*;

(*f*) Nafas sentiasa rasa dikawal;

(*g*) Nafas berjalan dengan kelajuan yang begitu normal walaupun mendengar berita buruk dan menakutkan;

(*h*) Hidup dan mati menjadi kesedaran diri walaupun berada di mana jua;

(*i*) Apabila lalai dan alpa, nafas akan datang menyedarkan diri kepada Allah;

(*j*) Akan mendapat *husnu al-khatimah*.

KEPUTUSAN MAJLIS FATWA NEGERI SABAH
"AJARAN PERTUBUHAN *RAHMATAN LIL 'ALAMIN*
(PERAHMAT)" - *(samb.)*

(xiii) **Mengamalkan Kepercyaan Wahdat al-Wujud**

Ismail bin Kassim pernah mengungkapkan kata-kata yang jelas membawa kepada makna Wahdat al-Wujud, iaitu "Aku berkata-kata dengan lidah ini, ini lidah Allah, ini lidah Allah, kafir kamu pergi, kalau kamu menolak, pergi, ini lidah Allah, ini perkataan Allah, di mana kau, kafir terus ...".

(xiv) **Mentakwil Ayat-ayat al-Quran Secara *Batil***

Mentakwil ayat-ayat al-Quran secara *batil*, antaranya seperti yang berikut:

Pada ayat dalam surah al-Fatihah: اهدنا الصراط المستقيم,

Allah SWT akan menjawab: صراط الذين أنعمت عليهم, iaitu الصالحين، الشهداء والصديقين.

Tafsiran bagi ketiga-tiga perkataan tersebut adalah seperti yang berikut:

*a.* الصالحين : Mempunyai Zikir Nafas dan kenal Allah dengan aqal;

*b.* الشهداء : Mempunyai Zikir Nafas dan syahadah dengan qalbu;

*c.* الصديقين : Mempunyai Zikir Nafas dan rohnya bersyahadah;

(xv) **Kaedah Penafsiran al-Quran (Usul Tafsir) Yang Menyeleweng**

Ayat-ayat al-Quran tidak boleh difahami semata-mata dengan mambaca terjemahan, kitab-kitab tafsir, mahupun asbab al-nuzul, bahkan hanya boleh difahami dengan Ilmu al-Quran (Ilmu Takwil, Ilmu al-Furqan, Ilmu Ma'na, Ilmu Maqsud, Ilmu Hikmah, Ilmu Makrifat, Ilmu Hakikat, Ilmu Asrar, Ilmu Ghaib dan Ilmu Yaqin).

(xvi) **Berpegang Kepada Hadith Palsu.** Antaranya:

(*a*) "Sesiapa yang menyakiti seorang tolibul-ilmi seperti menyakiti 124,000 nabi, sesiapa yang menyakiti 124,000 nabi seperti menyakiti Rasulullah SAW, sesiapa yang menyakiti Rasulullah SAW seperti menyakiti Allah, dan sesiapa yang menyakiti Allah, neraka tempatnya".

(*b*) "Barang siapa yang mencariku, pasti menjumpai-Nya, barang siapa yang menjumpaiNya, maka dia telah menjumpai segala-galanya, Nabi Muhammad SAW bertanya bagaimana ingin mencari Allah, dan Allah pun menjawab: 'Shahadah'".

(*c*) "Barang siapa yang datang berjumpa dengan Aku dalam pada mana dia mengenal aku, setiap kebajikan aku beri dia sedunia bilangan makhluk yang pernah Aku cipta dan akan Aku cipta".

(xvii) **Ghuluw (Melampau) Dalam Menghormati Guru**

Peraturan yang wajib dipatuhi oleh murid kepada Ismail bin Kassim selaku guru atau sheikh seperti yang berikut:

(*a*) Sesiapa yang hendak bersalaman dengan guru, wajib mengambil wuduk terlebih dahulu kerana guru dianggap membawa al-Quran yang hidup;

(*b*) Setiap murid berkeadaan yakin bahawa guru dapat mengesan ketaatan murid, atas izin Allah SWT;

(*c*) Setiap murid jangan menderhaka kepada guru atas amanah-amanahnyaa;

(*d*) Setiap murid jangan ada sangkaan bahawa guru tidak mengetahui kelakuan dan perbuatan mereka;

